



**BULETIN KELAB  
BULAN KEMERDEKAAN**

**Keluaran 7/05**

**September 2005**

*Kelab kebajikan Kakitangan Pentadbiran Pusat Matrikulasi UIAM  
Kebajikan Teras Perpaduan*

**Sya'ban 1426H**



**KELUARGA TERAS PEM-  
BENTUKKAN UMMAH**

**HARI KELUARGA KE 13 2005**

26 hingga 28 August 2005 , telah di adakan Hari Keluarga ke.13. Kelab Kakitangan Pentadbiran Pusat Matrikulasi UIAM. Hari Keluarga tersebut telah diadakan di Teluk Batik Beach Resort, Teluk Batik, Perak Darul Ridzuan. Seramai 53 Keluarga telah menghadiri program tersebut. .Hari keluarga kali ini diserikan lagi dengan kehadiran Tuan Haji Kamarudin Samad, Timbalan Pengarah, Jabatan Pentadbiran dan Puan Siti Humaiyah Bakri, Timbalan Dekan, Jabatan Aktiviti Pelajar Pusat Matrikulasi UIAM. Tetamu Kenamaan yang hadir adalah Yang Berhormat Dato Dr. Zamry Abdul Kadir, Ahli Dewan Undangan Negeri, Pangkor. Beliau telah sudi merasmikan hari keluarga kali ini dan menaja makan malam pada malam tersebut. Tinjauan mendapati ahli-ahli yang menghadiri program kali ini berpuas hati secara keseluruhannya. Tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Hari Keluarga kali ini kerana telah bertungkus lumus dan bekerja keras bagi menjayakan program hari keluarga kali ini. YB. Dato Zamby telah menyampaikan kata-kata alu-aluan serta merasmikan program hari keluarga KKK

kali ini. Beliau merasa gembira kerana berjumpa dengan kawan-kawan lama yang sama-sama menabur baki di Pusat Matrikulasi UIAM kursusnya dan Universiti Islam Antarabangsa amnya. Beliau pernah mengajar di pusat matrikulasi UIAM ini pada tahun 1989. Ketika itu Pusat Matrikulasi UIAM ini berada di Subang, Seksyen 15 Subang Jaya, Selangor. Diantara kata-kata beliau adalah "Bila kita pernah menjadi kakitangan UIAM walau dimana pun kita berada, kita tetap UIAM. Di ucapkan ribuan terima kasih diatas kesudian beliau menghadiri program hari keluarga kali ini walaupun beliau se-buk dengan jadual tugas beliau.



**Kandungan Buletin**

Jenazah Berubah	2
Lawatan ke TLDM	2
Calon Syturga	3
Bulan Sya'ban	3
Puisi Merdeka	4
Bersama T Bendahari	4
Gambar2 H. Keluarga	6

**MUTIARA KATA**

*Pemimpin yang baik akan memikul kesalahan & tidak mengejar nama.*

*Orang yang bijak mempelajari banyak perkara daripada musuhnyanya sendiri.*

*Anda tidak akan berjaya menjadi penulis sekiranya anda tidak menjadi pembaca terlebih dahulu.*

**Sukaneka Hari Keluarga**

Sukaneka hari keluarga telah di adakan pada hari kedua. Semua peserta hadir di padang Resort tersebut. Semua acara Ibubapa dan anak - anak telah disusun dengan rapi oleh Ahli jawatankuasa sukan yang diketuai oleh En. Wan Ismail Wan Majid. Di antara acara-acara yang diadakan pada sukaneka tersebut ialah tarik tali, baling dadu, mencari gula-gula di dalam tepung dan lari dalam guni. Acara-acara tersebut dibahagikan kepada lelaki dewasa, wanita dewasa dan kanak-kanak. Senua peserta yang mengambil bahagian menerima hadiah. Acara mewarna bagi kanak-kanak dibawah 6 tahun juga diadakan di dalam dewan besar resort tersebut. Pada malam-

nya pula diadakan cabutan bertuah kepada semua ahli kelab. Pihak AJK telah memastikan semua ahli yang hadir mendapat hadiah masing-masing. Malam itu juga diadakan pertandingan Karaoke. Seramai 9 orang peserta telah mengambil bahagia. En Asnalizam telah mendapat tempat pertama, tempat kedua di-menangi oleh anak kepada Puan Rozila, dan tempat ketiga dimenangi oleh anak kepada En Abu Bakar Dawi.

## LAWATAN KE TLDM LUMUT

Hari ketiga (Ahad) Hari keluarga tersebut acara lawatan ke Pengkalan Tentera Laut Diraja Malaysia di Lumut Perak. Seramai 35 keluarga telah menaiki 2 buah bas menuju pengkalan TLDM tersebut. Disana pelawat telah dibawa memasuki kapal perang dan kapal peninjau (Hydrographic). Di antara kapal yang berada disana iaitu kapal KD Mutiara, KD Mahsuri, KD Samudra dan banyak lagi. Peserta di bawa masuk ke kapal KD Mutiara bagi melihat dan mendengar sesi penerangan dari pegawai yang bertugas. Kapal tersebut adalah sebuah kapal Hydrographic yang menubuh tinjauan tentang kedalaman dan gelombang di lautan. Kapal ini akan membuat peta di dasar laut dan mengeluarkan buku penyelidikan berkenaan dasar laut bagi kegunaan kaji cuaca dan kegunaan orang awam yang ingin me-

mancing di laut. Selain daripada itu peserta di bawa melawat kapal perang yang berada di pengkalan tersebut. Kapal perang tersebut dilengkapi dengan peralatan perang yang canggih dan bersedia untuk melakukan peperangan bila-bila masa saja. Di sini peserta didedahkan dengan peralatan yang berada di dalam kapal tersebut. Oleh kerana kesuntukan masa lawatan ke pengkalan Rajawali bagi melihat kawasan helikopter di tempatkan terpaksa dibatalkan. Tepat pukul 12.00 tengahari semua acara lawatan tersebut selesai. Diucapkan berbanyak terima kasih kepada pegawai pengiring yang memberi maklumat yang amat berguna. Semua peserta bertolak ke resort bagi menikmati makan tengahari disana. Pukul 2.00 petang semua keluarga bertolak ke Kuala Lumpur.



### Tazkirah

## JENAZAH BERUBAH MENJADI BABI HUTAN

Seorang anak mendatangi Rasulullah sambil menangis. Peristiwa itu sangat mengharukan Rasulullah S.A.W yang sedang duduk bersama-sama sahabat yang lain.

"Mengapa engkau menangis wahai anakku?" tanya Rasulullah. "Ayahku telah meninggal tetapi tiada seorang pun yang datang melawat. Aku tidak mempunyai kain kafan, siapa yang akan memakamkan ayahku dan siapa pula yang akan memandikannya?" tanya anak itu.

Segeralah Rasulullah memerintahkan Abu Bakar dan Umar untuk menjenguk jenazah itu. Betapa terperanjatnya Abu Bakar dan Umar, mayat itu berubah menjadi seekor babi hutan. Kedua sahabat itu lalu segera kembali melapor kepada Rasulullah S.A.W.

Maka datanglah sendiri Rasulullah S.A.W ke

rumah anak itu. Didoakan kepada Allah sehingga babi hutan itu kembali berubah menjadi jenazah manusia. Kemudian Nabi menyembahyangkannya dan meminta sahabat untuk memakamkannya. Betapa hairannya para sahabat, ketika jenazah itu akan dimakamkan berubah kembali menjadi babi hutan.

Melihat kejadian itu, Rasulullah menanyakan anak itu apa yang dikerjakan oleh ayahnya selama hidupnya.

"Ayahku tidak pernah mengerjakan solat selama hidupnya," jawab anak itu. Kemudian Rasulullah bersabda kepada para sahabatnya, "Para sahabat, lihatlah sendiri. Begitulah akibatnya bila orang meninggalkan solat selama hidupnya. Ia akan menjadi babi hutan di hari kiamat."

## Mantera Patriot Bangsa

Kita langir keris pusaka  
Dari cita semangat waja  
Biar membara dupa  
bangsa  
Dengan tangkas pencak  
Sang wira di medan laga

Keramat loknya ditempa  
pandai besi  
Ditinta kursani  
digenggaman pejuang  
sejati

Hei, tangkas langkahmu di  
tengah gelanggang  
Bagai kijang bermukin di  
hutan

Kemas pencakmu  
berhadapan lawan  
Bagai sang harimau siaga  
menerkam

Hei, jati diri kau pasakkan  
Musuh kau tumbangkan  
Rantai penjajah kau  
leburkan

Tegak sendi maruah  
bangsa  
Pencak budi memaknakan  
merdeka

### Soal Jawab Agama

**Bagaimanakah untuk mendapatkan insan yang berhati mulia dan direndhai Allah S.W.T.?**

#### Jawapan:

Keredhaan Allah merupakan nikmat yang paling agung, yang hanya dimiliki oleh insan yang ber-taqwa kepada-Nya. Ketaqwaan itu hanya dimiliki oleh insan yang beribadah dan beramal soleh. Sedangkan amal soleh yang memperoleh keberkatan adalah amal soleh yang disertakan dengan ilmu. Jadi ilmu adalah sumber segala kekuatan untuk memperoleh keredhaan Allah.

Saidina Ali bin Abi Thalib pernah berkata "Ada dua orang yang mendatangkan bala bencana kepada kita iaitu orang yang berilmu yang tidak menjaga kehormatan dan orang yang bodoh yang kuat beribadah.

Orang yang bodoh itu menipu manusia dengan amalnya sedangkan orang yang berilmu itu menipu manusia dengan kelalaiannya."

Dengan melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya sesuai dengan tuntutan Islam maka kita akan memiliki hati yang mulia.

**Apakah hukum, sekiranya menggunakan minyak wangi, minyak urut (metalsalicylate) atau ubat-ubatan yang mengandungi bahan kimia alkohol selain dari etanol (alkohol yang terdapat dalam arak), contohnya etana, pentanol, spirit dll.?**

#### Jawapan:

Menggunakan bahan kimia yang bukan tergolong alkohol yang memabukkan (seperti yang terdapat dalam arak) untuk minyak urut ataupun minyak wangi tidaklah berdosa dan hukumnya harus.



## RENUNGAN CALON SYURGA

Suatu petang, Nabi Muhammad s.a.w sedang mengajar para sahabat di masjid. Tiba-tiba Nabi s.a.w berhenti seketika. Para sahabat bertanya-tanya sesama mereka. "Dari arah ini akan datang calon penghuni syurga". Kata Nabi s.a.w selang beberapa lama, datang seorang lelaki dari arah yang ditunjukkan oleh Nabi s.a.w tadi.

Dia hanyalah seorang lelaki biasa. Selesai majlis, lelaki itu bangun, lalu terus pulang kerumah. Para sahabat hanya memerhati gerak-laku lelaki tadi dengan penuh minat.

Keesokan harinya, Nabi s.a.w memberitahu hal yang sama. Keinginan untuk mengenali secara lebih dekat tentang peribadi lelaki tadi telah mendorong seorang sahabat Nabi untuk bertemu lelaki berkenaan. Sepanjang berada di rumah lelaki tersebut, sahabat Nabi tadi asyik memerhatikan gerak-geri lelaki itu. Apakah amalan-amalan yang istimewa yang dilakukannya terutama pada waktu malam. Bagaimanapun, dia tidak dapati sesuatu yang istimewa yang dilakukan oleh lelaki itu melainkan amalan rutin harian seperti orang lain. Sebenarnya dia ingin mengetahui apakah amalan-amalan yang dilakukan olehnya sehingga disebut sebagai calon syurga.

"Saudara, apakah keistimewaan tuan? Nabi Muhammad s.a.w menyatakan bahawa saudara adalah calon ahli syurga." lelaki itu diam seketika sambil menundukan kepalanya. Selang beberapa ketika, lelaki berkenaan berkata: "saya seperti apa yang saudara lihat selama tiga hari ini. Tetapi saya sentiasa menjaga hati saya daripada pengaruh kejahatan dan kedengkian kepada sesiapa pun. Saya tidak pernah terlintas untuk membuat kejahatan dan kedengkian kepada orang lain." Sahabat Nabi tadi berasa kagum dengan penjelasan lelaki itu. Itulah keistimewaan lelaki itu yang dicari-carinya selama tiga hari bersamanya. Akhirnya hajatnya selama ini tercapai. Fahamilah beliau bahawa (penjagaan hati daripada melakukan kejahatan dan kedengkian kepada sesama manusia adalah amalan yang sangat mulia.)

## HIJRAH...PERMAYA Dan Perjuangan

Dengan bismillah pembuka bicara  
Ucapan salam untuk semua  
Puji dan syukur pada yang Esa  
Selawat dan salam buat junjungan mulia  
Moga dirahmati majlis seadanya.

Hijrah...  
Setiap tahun kita menyambutnya  
Segenap pelusuk meraikannya  
Dengan pelbagai moto dan slogan  
Mengingati peristiwa penuh bersejarah  
Hari kebangkitan...dengan seribu keperitan  
Pengorbanan Rasulullah bersama para sahabat  
Dengan berbekal segenggam keyakinan  
Bagai melupai sejenak....  
Akan kesenangan dan kemanisan duniawi  
Demi kemuliaan Islam  
Dan kegemilangan ummah mendatang

## KEUTAMAAN DAN BULAN SYA'BAN

Ketahuiilah bahwa bulan Sya'ban adalah bulan yang sangat mulia dan dikenal dengan bulan Rasulullah SAW. Beliau selalu berpuasa pada bulan ini hingga datang bulan Ramadhan. Beliau bersabda, "Sya'ban adalah bulanku. Barangsiapa berpuasa satu hari pada bulanku ini, surga adalah miliknya."

Diriwayatkan dari Imam ash-Shadiq as bahwa ketika bulan Sya'ban tiba, Imam Ali Zainul Abidin as mengumpulkan para sahabat beliau seraya berkata kepada mereka, "Wahai sahabat-sahabatku, tahukah kalian bulan apa ini? Ini adalah bulan Sya'ban. Rasulullah saw selalu ber-

sabda, 'Sya'ban adalah bulanku.' Maka, berpualah pada bulan ini demi kecintaan kalian kepada beliau dan untuk bertaqarub kepada Tuhan kalian. Demi Allah yang jiwa Ali bin Husain berada di genggam tangan-Nya! Aku pernah mendengar ayahku, Husain bin Ali as berkata, 'Aku pernah mendengar Amirul Mukminin as mengatakan bahwa barangsiapa berpuasa pada bulan Sya'ban demi kecintaannya kepada Rasulullah dan untuk bertaqarub kepada Allah, niscaya Ia akan mencintanya, mendekatkannya kepada kemuliaan-Nya pada hari kiamat, dan menganugrahkan surga kepadanya.'

Syaikh ath-Thusi ra meriwayatkan dari Shafwan





**Biro Perhubungan dan  
Penerbitan  
Kelab Kebajikan Kakitangan**

Phone: 03-77803216  
Fax: 03-79571006  
Email: amin@iiu.edu.my

[HTTP://IIU.EDU.MY/MATRIC/CLUB](http://iiu.edu.my/matric/club)

**Sembahyang adalah prinsip utama dalam hidup. Memberi alasan tidak cukup masa untuk melakukannya adalah hinaan kepada Allah.**



**Pengerusi Kelab  
bersama dengan  
Tibakan Pengarah**

## PUISI MERDEKA

### PERTIWI

Jerkah hutan seakan sesat  
Tatakala mudik ke hulu..  
Datuk tak hilang punca..  
Diarahnya lagi..sekelompok menyusur muara..  
Bertahan segala keringat  
Bukan kerna dek membakar mentari...

Sekelip sekalipun lena dilupakan..  
Hendak membuai rasa  
Ketepikan demi daulat pertiwi..

Pantas Datuk mengheret segala kudrat  
Membenteng ampuh semangat  
Dari ceroboh petualang..

Desah dari nafas..semangat  
Seperti gigil sejuk menyelimuti **amarah..**  
Bukan hilang akal..  
Bukan takut..bahkan merintih

Ledak dari muncung senapang  
Bagai tahu jawapannya..  
Terarah segala..amukan datuk  
Tak sanggup untuk mengalah..  
Biar bermandi darah sekalipun..

...sekali ini datuk tidak mengerti  
...harus kemana arah cucu merdeka!!!

### Bersama Timbalan Bendahari

Nama: *Nor Aziyan Binti Ami Husin*

No staff:: 4195

Jawatan di UIA: *Pembantu Tadbir (Kewangan)*

Jawatan di Kelab: *Penolong Bendahari*

Alamat : *10-3-4,Taman Bukit Angkasa,59200 Kuala Lumpur.*

Berapa lama jadi ahli kelab: *1 tahun 2 bulan*

Tarikh Lahir : *10.02.1976*

Tempat lahir : *Padang Rengas*

Email : *azie762001*

Berapa cahaya mata: *-Tiada lagi*

Harapan terhadap kelab: *Harapan saya agar kelab ni dapat bekerjasama dengan baik supaya kelab ini lebih harmonis dari segi intelek,rohani, emosi dan jasmani.*

Kenangan manis bersama kelab : *Dilantik menjadi penolong bendahari*

Kenangan pahit bersama kelab: *Tiada*

Cadangan kepada Kelab: *Cadangan saya agar semua ahli kelab dapat melahirkan budaya kerja yang cemerlang,bersikap proaktif dan inovatif yang baik.*



### KERANAMU MALAYSIA

Sebagai warga pesada tercinta  
Kami sentiasa sedia  
Mempertaruhkan kudrat  
Siaga berdiri di medan  
Pada garis paling hadapan

Biar berputih tulang  
Daripada berundur ketakutan  
Membiar musuh mencuri kesempatan  
Tanpa rela berputih mata  
Membiar anak bangsa ditekan dan dihina

Keranamu Malaysia  
Kami anak pasca merdeka  
Bukan sekadar melafazkan setia  
Malah menyanggupi apa saja  
Kendatipun nyawa galang gantinya

### PENDEKAR

gugur darah kebumi  
betitis air mata mengalir  
pekik... raung..  
menggegar alam  
menentang penjajahan

gugur maruah ke bumi  
tiada bersalah tiada ke-sali  
pekik .. raung..  
mengagung-agungkan  
penjajahan  
pada minda .. pada  
bangsa..

bangkitlah ...  
ingatlah..  
pengorbanan orang tua  
kita...

## KEUTAMAAN BULAN SYA'BAN

Sambungan dari mika 3

al-Jammâl. Ia berkata, "Imam ash-Shadiq as pernah berkata kepadaku, "Paksalah (baca : anjurkanlah) orang-orang yang berada di sekitarmu untuk berpuasa di bulan Sya'ban!" "Semoga aku menjadi tebusan Anda! Apakah Anda mendapatkan satu keutamaan di dalamnya?", tanyaku. Beliau berkata, "Ya! Ketika melihat hilal bulan Sya'ban, Rasulullah SAW memerintahkan seorang utusan untuk berseru di Madinah, 'Wahai penduduk Madinah, aku adalah utusan Rasulullah saw untuk kalian. Beliau bersabda, 'Ketahuilah bahwa sesungguhnya Sya'ban adalah bulanku. Semoga Allah merahmati orang yang membantuku (memuliakan) bulanku.' Yaitu, berpuasa di bulan ini. Lalu beliau melanjutkan, "Amirul Mukminin as sering berkata, 'Aku tidak pernah ketinggalan berpuasa di bulan Sya'ban semenjak aku mendengar utusan Rasulullah saw menyerukan (hal itu) di bulan Sya'ban, dan insya-Allah aku tidak akan pernah ketinggalan selama hayat di kandungan badan.' Selanjutnya beliau berkata, 'Berpuasa di dua bulan Sya'ban dan Ramadhan adalah sebuah taubat dan ampunan dari Allah.'"

Isma'il bin Abdul Khaliq bercerita, "(Suatu hati) aku bertamu ke rumah Imam ash-Shadiq as. Pembahasan puasa bulan Sya'ban muncul. Beliau berkata, "Keutamaan berpuasa di bulan Sya'ban adalah ini dan itu. Jika seseorang telah menumpahkan darah haram, lalu berpuasa di bulan Sya'ban, niscaya puasanya itu akan berguna baginya dan ia akan diampuni."

## BANYAK HIKMAH DI SEBALIK DUGAAN TUHAN

ORANG yang ditimpa sesuatu bencana hendaklah tabah menghadapinya. Ia adalah ketentuan dan ujian Allah kepada umatnya. Ada banyak hikmat di sebalik sesuatu ujian atau dugaan yang diberikan Allah kepada umat manusia.

Rasulullah menerangkan dalam beberapa hadis mengenai perkara itu, antaranya:

Abu Sa'id al-Khudri dan Abu Hurairah berkata, bahawa Rasulullah bersabda: "Tidak ada sesuatu yang menimpa seseorang Islam sama ada kepenatan, kesakitan, kesusahan memikirkan perkara yang akan datang, kedukaan, sesuatu yang menyakiti atau kesusahan mengingatkan apa yang telah berlaku hinggakan tikaman duri yang mencucuknya, melainkan Allah hapuskan dengan sebabnya sebahagian daripada dosanya." (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Abdullah bin Mas'ud berkata, Rasulullah bersabda: "Tidak ada seseorang Islam yang ditimpa sesuatu yang menyakiti, iaitu penyakit atau lainnya, melainkan Allah gugurkan dengan sebab itu dosa-dosanya, sebagaimana pokok menggugurkan daunnya (pada musimnya yang tertentu)." (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Anas berkata, Rasulullah bersabda: "Bahawa besarnya sesuatu balasan itu menurut besarnya sesuatu bencana ujian; dan bahawa Allah apabila mengasihi sesuatu kaum diuji mereka; kemudian sesiapa yang menerima ujian itu dengan reda, maka dia akan beroleh keredaan Allah, dan sesiapa yang bersikap keluh kesah serta benci menerima ujian itu, maka dia akan mendapat kemurkaan dari Allah." (Hadis riwayat at-Tarmizi dan Ibn Majah)

## KETENANGAN Mencari Rezeki

Setiap org inginkan rezeki yg banyak bagi memudahkan kehidupan harian. Perkara asas yg sering diperkatakan ialah adakah rezeki yg dicari selama ini cukup untuk keperluan diri dan keluarga. Bagaimana pula dgn usaha dan tenaga yg telah dcurahkan itu, adakah sepadan dgn hasil rezeki yang diperolehi. Di sinilah letaknya nilai berkat pada rezeki yang kita peroleh. Untuk menentukan keberkatan pada rezeki, cara bagaimana rezeki itu di peroleh jg perlu diperhatikan.

Dalam sebuah hadis Qudsi, Allah Taala telah berkata kepada malaikat yang bertugas menyampaikan rezeki kepada manusia : "Mana-mana hamba yg kamu jumpai, yang cita-citanya hanya satu iaitu semata-mata untuk akhirat, berilah jaminan rezekinya baik dari langit, mahupun dari bumi. Dan mana2 hamba kamu jumpai mencari rezeki dengan jujur kerana berhati-hati mencari keadilan, maka berilah dia rezeki yang baik dan mudahkanlah baginya. Dan jika dia telah melampaui batas kepada selain daripada itu, maka biarkanlah dia sendiri mengusahan apa yang dikehendakinya. Kemudian dia tidak akan mencapai lebih apa yg telah Aku tetapkan untuknya".

Rezeki adalah pemberian Tuhan kepada manusia dan Dia akan memberikannya kepada sesiapa yg dikehendaki dan menarik semula pemberian itu daripada mana-mana orang yang dikehendakiNya...

## TAKZIAH

### En. Fadzil bin Jumman.

Telah menjalani pembedahan buah pinggang di Hospital Universiti pada 06hb Ogos 2005 (Sabtu). Setelah hampir 2 minggu di hospital beliau telah dibenarkan pulang .Beliau dijangka akan mula bekerja pada awal Februari 2006. Keadaannya telah beransur pulih. Kelab mendoakan semoga beliau dalam keadaan sihat dan semakin pulih.

### Cik Rozanah Bonari

Telah dimasukkan ke Hospital Universiti . Beliau masih berada di sana untuk menjalani perubatan sakit Kanser .Kelab mendoakan semoga beliau berada dalam keadaan sehat dan beransur pulih.

### En. Nasir Bin Amat

Takziah di ucapkan kepada beliau diatas kemalangan yang menimpa anak beliau. Pihak kelab amat terharu mendengar berita tersebut. Kelab mendoakan semoga roh anak beliau dicucuri rahmat dan di tempatkan bersama-sama orang-orang yang soleh. Al-fatihah...Semoga En. Nasir tabah menghadapi dugaan dari Allah.

### Puan Mahfuza Mohd Wazir

Baru-baru ini telah dimasukkan ke hispital kerana deman.denggi Alhamdulillah beliau telah sihat dan sudah mula bekerja.

### Pn. Zurina Mohd Nor

Telah dimasukkan ke hospital kerana mengalami kekurangan darah.Belau telah beransur pulih. Kelab mendoakan semoga beliau berada dalam keadaan sihat dan beransur pulih.